

**SIARAN AKHBAR  
UNTUK SIARAN SEGERA**

**ANIH BERHAD TAWAR DISKAUN TOL 10% SEMPENA TAHUN BARU CHINA**

- *Diskaun tol antara tanggungjawab sosial korporat ANIH Berhad kepada pengguna menjelang sambutan perayaan utama di Malaysia*
- *Sediakan TTA bantu kurangkan kesesakan di Plaza Tol Gombak, Plaza Tol Bentong dan Plaza Tol Karak*
- *Tiada khidmat tambah nilai di lorong tol sekiranya trafik mulai padat.*

**Kuala Lumpur, 29 Jan 2019** - Sempena sambutan Perayaan Tahun Baru Cina yang bakal tiba tidak lama lagi, ANIH Berhad, syarikat konsesi Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1) akan memberikan diskaun tol 10% khusus untuk pengguna kenderaan Kelas 1.

Diskaun tol ini akan berkuat kuasa dalam tempoh 24 jam bermula jam 12.00 tengah malam hingga jam 11.59 malam pada Selasa, 5 Februari 2019.

Pengarah Eksekutif ANIH Berhad, Dato' Nik Fauzi Nik Hussein berkata, pemberian diskaun tol yang merupakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat sejak tahun 2011 ini bertujuan untuk menghargai pengguna Lebuhraya KLK dan LPT 1 untuk semua perayaan utama di Malaysia.

"Selain diskaun, syarikat turut mengambil kesempatan sempena sambutan Tahun Baru Cina ini dengan mengagihkan 1,500 biji buah limau kepada pemandu di Plaza Tol Gombak pada 29 Januari, mulai Jam 3 petang sebagai tanda penghargaan dan terima kasih kepada pengguna lebuhraya kendalian syarikat".

"Kami turut menyediakan Jadual Cadangan Waktu Perjalanan (Time Travel Advisory "TTA") sebagai rujukan pengguna untuk merancang perjalanan ke negeri-negeri di Pantai Timur sempena cuti sambutan Tahun Baru China ini. TTA ini disediakan untuk membantu menyuraikan trafik dan mengurangkan kenderaan bertembung pada satu masa yang sama di plaza tol (pada waktu puncak), khususnya di Plaza Tol Gombak, Plaza Tol Bentong dan Plaza Tol Karak hingga boleh menyebabkan kesesakan," katanya.

Waktu-waktu puncak di mana trafik dijangkakan membanjiri Lebuhraya KLK & LPT1 sempena cuti Perayaan Tahun Baru Cina tahun ini adalah pada 1 Februari (mulai jam kira-kira 9 pagi) dan 4 Februari (mulai jam kira-kira 3 petang) untuk trafik menghala ke pantai timur, manakala pada 9 dan 10 Februari, antara jam 3 petang hingga 12.00 tengah malam (untuk trafik menghala ke arah Kuala Lumpur).

"Sehubungan itu, kami menyarankan pengguna yang ingin menuju ke Kelantan dan Terengganu pada 2 dan 3 Februari ini untuk masuk ke lebuhraya sama ada pada jam 6 hingga 10 pagi ATAU antara 5 petang hingga 8 malam. Pengguna yang ingin menuju ke Pahang pada tarikh yang sama pula boleh memulakan perjalanan antara jam 12 tengah hari hingga 3 petang ATAU pada jam 7 petang hingga 11 malam," katanya.

Dato' Nik berkata, untuk kembali semula ke ibu kota antara 8, 9 dan 10 Februari, pengguna dari Pahang boleh memilih sama ada untuk memulakan perjalanan antara jam 6 hingga 10 pagi ATAU antara 7 petang hingga 11 malam. Pada tarikh yang sama, pengguna dari Terengganu pula disarankan untuk memasuki lebuhraya antara jam 8 hingga 11 pagi ATAU antara 8 hingga 10 malam, manakala pengguna dari Kelantan boleh menggunakan lebuhraya bermula jam 6 petang hingga 10 malam ATAU antara 9 malam hingga 12 tengah malam. (Sila rujuk TTA yang disertakan).

Seperti mana musim perayaan sebelumnya, orang ramai dan pengguna yang ingin menuju ke pantai timur boleh mendapatkan jadual TTA di laman web ANIH Berhad atau mengikuti Twitter @LPTTrafik dan Facebook Lebuhraya Pantai Timur.

Syarikat turut ingin menasihati pengguna untuk sentiasa memastikan baki kad Touch 'n Go (TnG) dan eWallet RFID mencukupi sebelum memulakan perjalanan.

Perkhidmatan tambah nilai kad di lorong tol akan ditutup sekiranya trafik mulai padat bagi mengelak berlakunya kesesakan di plaza tol. Sekiranya ingin membuat tambah nilai atau membeli kad TnG, pengguna boleh melakukannya di Pusat Khidmat Pelanggan (PKP) di Plaza Tol Gombak, Bentong, Karak, Temerloh dan Kuantan dari jam 7 pagi-10 malam setiap hari. Pengguna turut boleh membuat tambah nilai di kios layan diri di Hentian Sebelah Gombak (arah barat), Kawasan Rehat & Rawat (R&R) Genting Sempah, R&R Temerloh (arah timur dan barat) dan di Plaza Tol Gambang.

-Tamat-

### **Tentang ANIH Berhad**

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), sepanjang 250 kilometer (KM). Bermula dari Gombak di KM 19.2 Lembah Klang hingga ke Jabor di KM 250 Terengganu, LPT meningkatkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di sebelah Pantai Timur, terutamanya Kuantan. Operasi tol dan penyenggaraan rangkaian-rangkaian lebuhraya ANIH Berhad diurus oleh Kumpulan MTD.

### **Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

1. Fazlyaton Hussein, Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan  
[fazlyaton.hussein@mtdgroup.com.my](mailto:fazlyaton.hussein@mtdgroup.com.my)
2. Ahmad Farizal Abdul Hajat, Pengurus, Komunikasi Korporat Kumpulan  
[farizal.hajat@mtdgroup.com.my](mailto:farizal.hajat@mtdgroup.com.my)
3. Sofia Roseli, Eksekutif, Komunikasi Korporat Kumpulan  
[sofia.roseli@mtdgroup.com.my](mailto:sofia.roseli@mtdgroup.com.my)

### **Siaran Akhbar dikeluarkan bagi pihak ANIH Berhad oleh: Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan Kumpulan MTD**

Menara MTD, 1, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel : 03-6195 1111 Fax : 03-6188 0101 Website : [www.mtdgroup.com.my](http://www.mtdgroup.com.my)